



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Graha Makmur, No.1 Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya 75450 Melaka, Malaysia

Telefon : 06-285 9700 Faks: 06-232 5716 <http://www.mbmb.gov.my>

## Borang Perlindungan Data Peribadi Untuk Pelanggan

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR

Nama : \_\_\_\_\_

Nombor Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, bagi tujuan mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi anda, persetujuan jelas perlu diperolehi dari anda sebelum sesuatu perkhidmatan dilaksanakan. Bagi tujuan memproses permohonan ini, data peribadi anda mungkin perlu didedahkan kepada beberapa pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Maklumat lanjut berkaitan Notis Perlindungan Data Peribadi MBMB boleh diperolehi melalui portal rasmi MBMB di <http://www.mbmb.gov.my>.

### Deklarasi

Dengan menandatangani borang ini, saya mengisyiharkan bahawa saya telah baca dan fahami serta bersetuju untuk tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi MBMB dan saya menyatakan persetujuan dan memberi kuasa kepada MBMB :

- Untuk meminta, memperolehi, mengumpul, memproses dan menyimpan kesemua maklumat data peribadi dalam borang ini bagi tujuan memproses permohonan ini dan semua tujuan-tujuan lain yang diperlukan berkaitan dengan mana-mana produk, perkhidmatan dan promosi yang ditawarkan oleh MBMB; dan
- Untuk membenarkan MBMB menzahirkan data peribadi saya kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Notis Perlindungan Data Peribadi MBMB apabila dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalamnya.

Saya seterusnya mengesahkan bahawa kesemua data peribadi yang saya telah berikan adalah benar, terkini dan tepat. Saya juga faham bahawa saya boleh memohon untuk mendapatkan akses kepada data peribadi saya untuk tujuan mengemas kini atau membetulkan data tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada mana-mana data peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada MBMB dengan serta merta.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_